# Strategi perang lawan COVID-19 diperhebat mulai esok

Oleh Fahmy A Rosli - Julai 31, 2021 @ 2:05pm
fahmy.azril@bh.com.my

11



PROSES vaksinasi dipercepatkan antara strategi melawan COVID-19 mulai Ogos ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pelbagai strategi akan dilaksanakan bermula awal Ogos ini dalam usaha memerangi penularan COVID-19 di negara ini.

Salah satunya adalah mempercepatkan pemberian vaksinasi menerusi Operasi Lonjakan Kapasiti secara terus atau 'walk in' di Lembah Klang bermula 2 Ogos bagi mereka yang belum memperoleh janji temu.

Bermula Isnin ini, golongan berumur 40 tahun ke atas dan mempunyai komorbid boleh mendapatkan suntikan vaksinasi secara 'walk in', disusuli pada 5 Ogos untuk individu berumur 18 tahun ke atas yang juga boleh mendapatkan suntikan pelalian secara terus.

Pendekatan secara 'walk in' bagaimanapun hanya di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) tertentu di Lembah Klang. Di Pulau Pinang, warga emas di negeri itu boleh menerima vaksin COVID-19 secara 'walk in' di empat PPV yang dikenal pasti mulai 2 Ogos.

Selain strategi vaksinasi, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan (KKM) akan memulakan penjujukan genom bagi varian COVID-19 secara konsortium dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mulai Ogos.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, yang mengumumkan perkara itu, berkata ia tidak lain bagi meningkatkan kapasiti surveilan

TERKINI PILIHAN PEMBACA

7m Teliti semua cadangan, kewajaran isu berkaitan darurat
10m Teman di saat memerlukan
11m Ketepikan politik, beri komitmen jayakan PPN
19m Pakej 'bermalam' jumpa hantu
19m Insentif bantuan rakyat setanding negara maju
21m 'Pakej bermalam jumpa hantu'
29m Laksana gencatan politik, fokus tangani pandemik
36m OLIMPIK: Jacobs rasa seperti bermimpi

genom COVID-19 dengan peruntukan RM3 juta membabitkan 3,000 sampel dalam masa tiga bulan.

Sebagai persediaan menampung kemungkinan lonjakan kes jangkitan COVID-19, terdapat beberapa negeri mengambil langkah membuka tambahan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC), membabitkan tambahan sebuah PKRC di Kedah dan lapan lagi di Kelantan bermula Ogos.

Mulai 5 Ogos, Fasa Dua Program Vaksinasi Industri Pembinaan (CIVac) akan berlangsung membabitkan 55,000 pekerja binaan, masing-masing 30,000 di Pulau Pinang dan 25,000 di Johor.

Pelaksanaan undang-undang menerusi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang kali pertama diwartakan pada Mac tahun lalu dan digunakan untuk menguatkuasakan semua perintah berkaitan COVID-19 turut berfungsi sebagai 'senjata' mengekang penularan wabak di negara ini.

Meskipun Ordinan Darurat dibatalkan atau Proklamasi Darurat ditamatkan, ia tidak akan memberi kesan terhadap usaha kerajaan mencegah dan mengawal penularan COVID-19.

Semakan BH pada laman sesawang Pejabat Peguam Negara mendapati Warta Kerajaan Persekutuan bagi Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) itu diwartakan pada 22 Julai lalu.

Menurut warta itu, penguatkuasaan Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 yang berakhir pada 1 Ogos lalu, akan dilanjutkan bagi tempoh 2 Ogos hingga 31 Disember 2021.

## VAKSIN



AMERIKA 3 jam yang lepas

COVID-19: AS tidak akan kembali kenakan sekatan



ASIA Ogs 1, 2021 @ 9:25am

Wajib vaksin COVID-19 untuk masuk premis kerajaan, swasta



AMERIKA Jul 31, 2021 @ 7:21am

COVID-19: Kes positif global lebih 197.2 juta, 4.2 juta kematian



ASIA Jul 30, 2021 @ 3:17pm

Israel beri dos 'penggalak' mulai Ahad



ASIA Jul 30, 2021 @ 11:51am

Arab Saudi buka semula sempadan 1 Ogos




NASIONAL Jul 30, 2021 @ 11:32am

Kadar inokulasi negara terus meningkat

## TRENDING



KES Ogs 1, 2021 @ 10:06pm

Polis nafi aktivis dipaksa berbogel, buka pakaian dalam



NASIONAL Ogs 1, 2021 @ 9:00pm

18 kes kematian sebelum tiba hospital di Kedah



NASIONAL Ogs 1, 2021 @ 8:38pm

Budak 8 tahun punca kluster baharu di Kelantan



SELEBRITI Ogs 1, 2021 @ 5:16pm

Didie sedih lima ahli keluarga pergi

Disyorkan untuk anda

Recommended by



**Cyberattacks reveal China's willingness to...**

Nikkei Asia

**2004 Land Rover FREELAN...**

Go !

RM 8,700

mudah.my

**Rumah untuk dijual**

Selangor

mudahpropertymy

SEE DETAILS



**ASEAN nations offer huge rewards to...**

Nikkei Asia


**Dwayne 'The Rock' Johnson Buys Georgia...**
Mansion Global


**Nepal is struggling to recover after the...**
CNA - Insight
Watch More


**Incredible New Knee Sleeve Takes Malaysia ...**
healths.cafe


**Discover Luxury Retirement Homes Near...**
Senior Living | Search ...




akibat COVID-19

## MYRESIPI

RESEPI Jul 11, 2021 @ 12:43pm


Resepi Chicken Wings Ala 4 Fingers, Lagi Jimat & Puas Makan Di Rumah


TIPS & PETUA Jul 11, 2021 @ 12:42pm
Tips Telur Dadar Gebu & Sedap, Hanya Guna 3 Bahan Sahaja!


RESEPI Jul 9, 2021 @ 12:01pm
Resepi Mudah Aiskrim Mochi, Memang Nikmat Cair Di Dalam Mulut!


TIPS & PETUA Jul 9, 2021 @ 12:00pm
Tips Hilangkan Karat & Kesan Kerak Pada Kuali, Confirm Berkilat, Tak Payah Beli Baru Dah!


TIPS & PETUA Jul 8, 2021 @ 12:05pm
Tips Penting Untuk Pengguna Air Fryer, Supaya Tahan Lama & Menjamin Keselamatan!

## OHBULAN


NO-ADS 2 jam yang lepas
Mamee Monster Thin Thin ada surprise baru, memang syok kunyah sambil layan...


WANITA NEKAD BUNUH DIRI 2 jam yang lepas
[VIDEO] Wanita Dalam Pantang Cuba Terjun Dari Rumah Flat Selepas Kecewa...


TAYLORS UNIVERSITY 2 jam yang lepas
Semakin Berkembang & Popular? Ini 5 Kerjaya Menarik Yang Ramai Belum Explore!


KINI TRENDING 3 jam yang lepas
'Kita Tengok Berapa Duit Yang Dia Ada' – Suami Lana Nordin Akan Hantar Surat...


TV OLED 11 jam yang lepas
5 Ciri Pada LG TV OLED evo Yang Buat Ramai Seronok Di Rumah, No. 4 Tu Sesuai...

## SIRAPLIMAU


ASUH 20 minit yang lepas
Cara Betul Bersihkan Kemaluan Bayi Perempuan, Elak Bakteria!


TERAPI 3 jam yang lepas
Bukan 'Loser', Tapi Ini Kekuatan Luarbiasa Orang Yang 'Single' & Hidup Sendiri...



RAKYAT Ogs 1, 2021 @ 9:19am



[Semakan Penempatan Tahun 1 KPM Bagi Sesi 2022/2023 Mulai 1 Ogos 2021]



SUNAT KUCING SAKIT TAK

Jul 31, 2021 @ 8:44am

Nak 'Sunat' Kucing? Ini Prosedur Pemandulan Kucing, Kos, Hukum & Faedahnya



STEPPER MACHINE MALAYSIA

Jul 31, 2021 @ 8:11am

Peluh Mencurah-curah! Ini 4 Kebaikan Senaman 'Mini Stepper Exercise' & Tips...

IKUTI KAMI DI:

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi